

29/08/2003

Jus baru Gabry

Saleha Safie

KUALA LUMPUR: Merrychef Foods Sdn Bhd (Merrychef) memperkenalkan produk terbaru jus buah-buahan tulen jenama Gabry di Fiesta Sepanyol Gabry pada 5 September ini.

Jus perasa oren, anggur putih, anggur merah, nanas-anggur, pic-anggur, epal, buah-buahan campuran dan tomato akan diperkenalkan 25 pegawai pemasaran syarikat berkenaan yang digelar Gabry Angels.

Produk itu boleh didapati dalam botol 200 ml dan satu liter di pasar raya, kedai serba neka, kedai runcit, kedai makanan serta kelab kesihatan dan kecergasan seluruh negara tidak lama lagi.

Merrychef ditubuhkan pada awal 1980-an oleh pengasasnya, Patricia Lee. Perniagaannya tertumpu kepada mengeluarkan dan mengeksport produk makanan dan minuman ke Britain, Australia, Jepun, New Zealand dan pasaran global yang lain.

Pada 1993, Merrychef diiktiraf Anugerah Kecemerlangan Produk oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad.

Pengarah Jualan dan Pemasarannya, Lee Fook Kiong berkata, jus itu sesuai untuk mereka yang aktif, moden, kontemporari dan mementingkan kesihatan.

Fiesta itu akan dirasmikan Duta Sepanyol, Alvaro Iranzo dengan memecahkan Pinata Gergasi iaitu ikon Sepanyol yang diperbuat daripada tanah liat.